

AirAsia X mahu tembusi pasaran Asia Barat



KUALA LUMPUR 9 Julai – Syarikat penerbangan tambang murah jarak jauh AirAsia X akan menembusi pasaran Asia Barat dalam masa terdekat ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Azran Osman Rani berkata, pihak pengurusan akan ke Asia Barat minggu depan untuk meninjau lapangan terbang yang sesuai bagi mendapatkan hak pendaratan.

“Kami mencari lapangan terbang yang mempunyai rangkaian hubungan penerbangan tambang murah yang luas, seperti mana dilaksanakan ketika hendak memperkenalkan laluan London. “Setakat ini, kami mempunyai beberapa pilihan lokasi untuk laluan baru AirAsia X di Asia Barat seperti Sarjah dan Abu Dhabi,” katanya selepas majlis pelancaran kurier Redbox AirAsia disini hari ini.

Kurier Redbox menawarkan khidmat penghantaran barang dengan kadar terendah yang pertama di dunia dengan kadar RM25 sekilogram. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Datuk Seri Tony Fernandes dan Pengarah Urusan MBE Malaysia, Brian Chow.

Redbox menawarkan perkhidmatan kurier antara Kuala Lumpur, Selangor dan beberapa bahagian di Negeri Sembilan serta Kuching, Miri, Sibu, Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan. Penghantaran dilakukan antara dua hingga tiga hari bekerja yang menawarkan penjimatan sehingga 50 peratus daripada kos penghantaran.

Menurut Azran, setakat ini pilihan utama mereka adalah Emiriyyah Arab Bersatu (UAE) kerana Negara itu merupakan lokasi yang progresif untuk Asia Barat. “Selain itu, AirAsia X juga berminat ke Jeddah, tetapi permohonan kami telah ditolak. Kami, bagaimanapun akan terus mencuba untuk mendapatkan hak pendaratan di situ,” jelasnya.

Sementara itu, ketika mengulas tentang cadangan penggabungan syarikat penerbangan AirAsia Bhd. (AirAsia) dan AirAsia X, Fernandes berkata, ahli lembaga pengarah akan menentukannya. “Tetapi ia merupakan sesuatu yang logik. Jika terdapat sebarang perkembangan kami akan umumkan,” katanya. Baru-baru ini, Fernandes telah mengesyorkan penggabungan kedua-dua syarikat itu.

